Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 3, e001359
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1359

Isu dan Cadangan Terhadap Penilaian Pembentangan Komunikasi dalam Kalangan Pelajar TVET: Suatu Pemerhatian Awal

(Issues and Suggestion against the Communication Presentation Evaluation among TVET Students: A Preliminary Observation)

Nabihan Mohd Hamid[1], Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore[2*]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 46300, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: nabihan28@gmail.com
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 46300, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: effendi@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore
(effendi@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Pembentangan
Komunikasi
Rubrik
TVET

KEYWORDS:
Presentation
Communication
Rubric
TVET

CITATION:
Nabihan Mohd Hamid & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2022). Isu dan Cadangan Terhadap Penilaian Pembentangan Komunikasi dalam Kalangan Pelajar TVET: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(3), e001359. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1359

ABSTRAK

Kemahiran komunikasi merupakan kemahiran yang penting dalam menyampaikan idea di alam pekerjaan. Salah satu kemahiran komunikasi yang utama ialah pembentangan di mana graduan mesti bijak menyampaikan idea secara sistematik. Namun begitu, tidak banyak kajian yang memfokuskan kepada isu-isu berkaitan pembentangan komunikasi dalam kalangan pelajar Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Terdapat isu utama yang diutarakan dalam kertas konsep ini ialah isu kawalan gemuruh dan masalah keyakinan diri sehingga membawa kepada tekanan diri. Kertas konsep ini unik kerana aspek lontaran suara, dan keterampilan diri harus dibentuk dalam keyakinan diri pelajar. Kajian ini mencadangkan agar penilaian menerusi rubrik menekankan kepada aspek yang lebih pelbagai tetapi memfokuskan kriteria penting dalam pembentangan. Kertas ini perlu diberikan perhatian supaya masyarakat berubah kepada aspek keyakinan yang lebih baik dalam penyampaian maklumat. Bagi bidang TVET, kemahiran komunikasi ini menjadi satu ciri yang menonjol dan tidak dipandang sebagai pelajar kelas kedua. Cadangan penyelesaian ini boleh dikembangkan melalui usaha giat pihak institusi untuk meningkatkan lagi kredibiliti pelajar berteraskan TVET melalui semakan semula kriteria pada rubrik penilaian pembentangan komunikasi.

ABSTRACT

Communication skills are an important skill in delivering ideas in the real of work. One of the main communication skills is a presentation where graduates must be wise to communicate ideas systematically. However, there are not many studies focusing on issues related to communication presentation among Students of Technical and Vocational Training Education (TVET). The main issues highlighted in this concept paper are the issue of nervous control and self-confidence problems that lead to self-stress. This concept

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

paper is unique in that it is a voice-over aspect, and self-sufficiency should be shaped in the student's self-confidence. This study suggests that the evaluation through rubrics emphasizes more diverse aspects but focuses on important criteria in the presentation. This paper should be given attention so that the community changes to a better aspect of confidence in the delivery of information. As for the TVET field, this communication skill became a prominent feature and was not viewed as a second-class student. The proposed solution can be developed through the efforts of the institution to further enhance the credibility of TVET-based students through

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada melalui penegasan pada isu utama dalam pembentangan komunikasi dalam kalangan pelajar TVET iaitu kawalan gemuruh dan masalah keyakinan diri. Kajian ini menggalakkan kepada usaha untuk membina rubrik pembentangan komunikasi yang lebih terperinci dan holistik di kolej komuniti.

1. Pengenalan

Komunikasi adalah satu cabang kemahiran wajib ada bagi setiap pelajar yang yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Kemahiran komunikasi juga menjadi sebahagian daripada kemahiran kebolehpasaran dan tersenarai dalam kemahiran pembelajaran di alaf ke-21 (Husaina et al., 2019, Lamri, 2019). Isu kemahiran komunikasi ini kelihatan kerap dibincangkan merentasi bidang pengajian dan tahap pendidikan. Menerusi kemahiran ini ia membantu kesediaan pelajar dalam menghadapi dunia pekerjaan. Kemahiran komunikasi ini dikatakan sebagai kemahiran yang mempunyai permintaan yang tinggi daripada pihak majikan menerusi kriteria yang disenaraikan di dalam keperluan tugas dan bidang pekerjaan. Komunikasi ditakrifkan oleh majikan lebih kepada komunikasi sosial yang mampu mencerminkan keperibadian bakal pekerja. Menerusi komunikasi juga, pelajar mampu menghadapi persaingan dan berkebolehan dalam menyerlahkan lagi tahap pengetahuan seseorang individu. Ia juga penting dalam menjalinkan hubungan sesama rakan sekerja, kerja berkumpulan, menyampaikan maklumat dengan baik, diplomasi dan menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa melaksanakan tugas. Malah penilaian kemahiran komunikasi telah mula dinilai seawal semasa sesi temu duga yang diadakan oleh majikan.

Terdapat pelbagai kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh institusi pengajian tinggi dalam melatih pelajar dalam kemahiran komunikasi. Antara pendekatan yang sering digunakan adalah menerusi penilaian pembentangan pelajar. Pelajar akan dinilai aspek komunikasi berdasarkan tugasan pembentangan yang diberikan oleh tenaga pengajar. Oleh yang demikian, isu berkaitan pembentangan komunikasi ini mesti diberi perhatian dan dirungkaikan dengan lebih mendalam. Isu dan permasalahan kemahiran ini wajar diperhalusi dan diatasi supaya ia dapat mensiapsiagakan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan, Umumnya pelajar di aliran teknikal dan vokasional (TVET) berkemahiran di dalam bidang masing-masing. Namun begitu, pelajar-pelajar ini mempunyai kelemahan yang ketara untuk berdepan dengan khalayak bagi menyampaikan pengucapan awam atau pembentangan komunikasi. Justeru, perbincangan topik ini membuka ruang bagi mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dengan aspek pembentangan komunikasi yang dihadapi dalam kalangan pelajar TVET

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2. Isu dan Perbincangan

2.1. Masalah yang dihadapi oleh pelajar TVET dalam menyampaikan pembentangan komunikasi

Pendidikan di aliran teknikal dan vokasional memerlukan pelajar melaksanakan tugasan antaranya ialah tugasan pembentangan. Selain daripada pelajar mahir dalam kemahiran di dalam bidang masing-masing, pelajar TVET juga dinilai komposisi komunikasi menerusi aktiviti pembentangan pelajar. Isu pertama ialah kawalan gemuruh. Apabila tugasan pembentangan diberikan didapati, pelajar TVET menghadapi gemuruh ketara semasa berdepan di khalayak untuk menyampaikan pembentangan. Tidak dinafikan perasaan gemuruh ini adalah satu kebiasaan yang dihadapi oleh setiap individu yang ingin memulakan pengucapan awam. Dalam menyampaikan maklumat pembentangan, pendengar harus meletakkan keyakinan kepada penyampai supaya apa yang dikongsikan dapat menarik perhatian pendengar sekaligus input yang disampaikan dapat diterima oleh pendengar.

Pelajar di kolej komuniti secara amnya mempunyai pelbagai latar belakang tahap pendidikan yang rata-rata mereka kurang menonjol dari aspek kognitif tetapi cenderung kepada hasil kerja tangan yang melibatkan psikomotor mahupun kemahiran dalam bidang-bidang tertentu. Situasi yang dihadapi apabila terdapat tugasan yang memerlukan pelajar melakukan pengucapan, penerangan terhadap cara kerja yang dilaksanakan. Isu kedua ialah keyakinan diri. Pelajar di aliran TVET ini didapati mempunyai keyakinan diri yang rendah dalam menyampaikan pengucapan ini adalah disebabkan kurang mahir disamping tekanan yang dihadapi secara psikologi dalam melakukan pembentangan di depan khalayak (Mandel, 2000). Disamping itu Reave (2004) menyokong bahawa masih terdapat jurang dan kekurangan dalam aspek komunikasi dalam kalangan pelajar aliran teknikal dan vokasional terutama dalam menyampaikan komunikasi dalam bentuk teknikal. Pelajar cemerlang adalah mempunyai kemampuan menggabungkan kemahiran komunikasi lisan, bahasa badan dan multi modal semasa menyampaikan pembentangan (Hung et al., 2013).

Tekanan, gemuruh yang tidak dapat dikawal dan kurang yakin ini masalah yang sering dihadapi oleh pelajar TVET terutama di kolej komuniti. Kesemua masalah ini memberi impak yang besar kepada gaya komunikasi pelajar semasa melaksanakan tugasan pembentangan. Pelajar yang berdepan dengan masalah ini dapat dikesan apabila pelajar lebih selesa membaca petikan pada dokumen rujukan atau slaid pembentangan berbanding memberi penerangan terhadap pembentangan mereka. Meskipun pelajar begitu mahir dalam kemahiran bidang masing-masing, apabila berdepan dengan proses menyampaikan maklumat atau memberi penerangan terhadap hasil kerja mereka secara terbuka, pelajar merasakan kurang yakin disamping dengan perasaan gemuruh yang tidak dapat dikawal. Situasi ini memberikan impak negatif pada penyampaian pembentangan komunikasi pelajar.

Bagi mengatasi masalah gemuruh yang tidak terkawal, tekanan dan juga perasaan kurang yakin ini, proses latihan dan pengulangan mesti dilakukan. Pendekatan penilaian secara formatif sesuai dilakukan bagi memberi ruang penambahbaikan kepada pelajar untuk melalui proses pengalaman dan pembelajaran dalam melaksanakan tugasan pembentangan komunikasi. Pelajar dilatih merancang dan melakukan persediaan awal sebelum melakukan pembentangan seperti mana dicadangkan oleh Melanie dan Jane (2015) serta Živković (2014). Perasaan gemuruh ini boleh mempengaruhi kelancaran

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pembentangan dan ia begitu jelas sekiranya pelajar tidak melakukan perancangan yang teliti dan teratur. Pelajar juga digalakkan menggambarkan bagaimana situasi suasana pembentangan itu berlangsung.

Kesediaan pelajar boleh diterjemahkan melalui aktiviti raptai pembentangan. Ia membantu pelajar bersedia dari aspek mental dan fizikal bagi berdepan di khalayak. Pelajar digalakkan dan diberi ruang untuk melakukan raptai sebelum berlangsung pembentangan sebenar (Mandel, 2000). Sebelum pembentangan sebenar dilaksanakan, latihan raptai ini sangat membantu pelajar mengawal perasaan gemuruh dan merasai bagaimana situasi sebenar akan berlangsung. Uji lari aplikasi pembentangan yang digunakan, alatan bantuan lain seperti audio atau mikrofon harus diuji terlebih dahulu bagi melancarkan lagi penyampaian pembentangan dan dapat juga membantu mengurangkan rasa gemuruh.

Selain itu, pelajar juga wajar dilatih untuk melakukan sedikit pergerakan ringan semasa menyampaikan pembentangan. Berdiri dan tanpa pergerakan ringan ini menambahkan lagi rasa tekanan untuk menyampaikan pembentangan komunikasi. Pergerakan yang dicadangkan lebih kepada secara bersahaja dan seperti mengambil sedikit langkah sama ada ke arah audiens atau pergerakan ringan ke kiri dan ke kanan sekiranya terdapat ruang yang bersesuaian (Mandel, 2000). Kriteria-kriteria cadangan ini sewajarnya dinilai dan ciri-ciri yang diperlukan ini dijelaskan di dalam deskriptif rubrik penilaian pembentangan komunikasi pelajar. Selain daripada ia dapat melatih pelajar untuk mengawal perasaan gemuruh, tekanan dan tahap keyakinan diri pelajar secara tidak langsung pelajar juga jelas tentang ciri-ciri khas dalam menghasilkan sebuah penyampaian pembentangan komunikasi yang lancar

2.2. Limitasi kriteria pada rubrik penilaian pembentangan komunikasi

Tugasan pembentangan adalah salah satu tugasan yang sering menjadi pilihan untuk menilai pelajar selain daripada tugasan berbentuk laporan penulisan terutama pelajar TVET di kolej komuniti. Menjadi amalan setiap penilaian harus merujuk kepada objektif pembelajaran berdasarkan setiap pecahan topik yang terdapat pada kurikulum kebangsaan yang dibekalkan oleh perancang kurikulum (Poernomo et al., 2019). Di kolej komuniti, penilaian formatif dan instrumen rubik digunakan bagi menilai tahap kompetensi pelajar. Pembangun instrumen akan merujuk kepada jadual spesifikasi penilaian dalam membangunkan rubrik penilaian bagi setiap kursus yang ditawarkan. Namun begitu didapati terdapat kelemahan dimana rubrik penilaian yang dibangunkan tidak seiring dengan aktiviti penilaian yang dilaksanakan. Rubrik yang menilai pengetahuan pelajar menerusi aktiviti pembentangan komunikasi dilihat tidak dinilai secara holistik dimana aktiviti pembentangan komunikasi tidak dinilai bersama.

Ini membuktikan terdapat ketidakseimbangan pemberat terhadap proses penilaian. Penilaian yang dilaksanakan lebih kepada penilaian pengetahuan semata - mata, dan usaha pelajar melakukan pembentangan komunikasi kurang diberi perhatian. Deskriptif yang dinyatakan pada rubrik sedia ada tidak menggalakkan pembelajaran dan rubrik yang digunakan lebih kepada pemberian markah semata – mata (Sanger & Gleason, 2020). Pembentangan yang dilakukan oleh pelajar wajar dinilai bersama, dilatih supaya kemahiran komunikasi pelajar dapat diasah semasa proses pembelajaran berlaku. Meskipun, aktiviti pembentangan komunikasi pelajar sering dilaksanakan, namun begitu, ia kurang penguatkuasaan pada penilaian yang seiring dengan konteks strategi pembelajaran. Pelaksana atau tenaga pengajar hanya melakukan penilaian sepertimana

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

rubrik yang diterima secara berpusat. Implikasi ini memberi kesan kepada pelajar dimana pelajar tidak mendapat maklum balas yang baik bagi aktiviti pembentangan komunikasi yang dijalankan. Pelajar juga tidak memberi fokus terhadap penyampaian pembentangan komunikasi kerana ia tidak dinilai bersama atau secara khusus. Penilaian yang dilaksanakan lebih memberi fokus kepada kandungan penyampaian bukan kepada cara penyampaian. Kurangnya perhatian dan bimbingan dalam cara menyampaikan pembentangan komunikasi ini menyebabkan pelajar tidak mengetahui ciri – ciri dalam menghasilkan pembentangan komunikasi berkesan.

Cadangan penambahbaikan terhadap isu ini ialah, rubrik yang dibangunkan harus berkualiti dan bersifat lebih holistik. Disamping menilai tahap pengetahuan pelajar, rubrik dihasilkan mesti seiring dalam menilai kemahiran pelajar dalam menyampaikan pembentangan (Benjamin, 2007). Objektif pembelajaran menjadi asas utama dalam peringkat awal pembinaan rubrik (Mandel, 2000). Menerusi pembentangan komunikasi ini, pelajar boleh mendapatkan padangan daripada penilai atau tenaga pengajar bagaimana pembawaan diri pelajar semasa menyampaikan maklumat kepada audiens (Azizi & Kamisah, 2018). Oleh yang demikian, rubrik hendaklah ditambah baik dengan mempelbagaikan kriteria bagi penilaian pembentangan komunikasi pelajar. Di dalam pembangunan kemahiran sosial menerusi komunikasi, tahap kawalan kognitif seseorang individu dapat diukur berdasarkan tingkah laku. Pengetahuan bukan sekadar memiliki pengetahuan, tetapi seiring dengan tindakan yang sesuai bagi mengaplikasikan pengetahuan (Owen, 2018). Mempelajari teknik penyampaian adalah peluang kepada pelajar untuk mendalami ilmu kemahiran dan menyokong dalam pembinaan vokasional mereka (Živković, 2014). Strategi penilaian mengukur pengetahuan sesuai dilakukan menerusi pembentangan komunikasi namun begitu, pemberat penilaian harus diseimbangkan supaya dua kemahiran pelajar dapat diukur bersama iaitu penilaian terhadap pengetahuan dan juga penilaian kemahiran pembentangan komunikasi pelajar

3. Kesimpulan

Kertas konsep ini membawa isu-isu seperti isu kawalan gemuruh dan masalah keyakinan diri sehingga membawa kepada tekanan diri. Beberapa penyelesaian turut disertakan seperti membawa pendekatan melatih pelajar bagi merancang setiap pembentangan dengan lebih terperinci seperti persediaan awal. Pihak pengurusan wajar menyediakan sistem sokongan daripada aspek fasiliti dan emosi. Pembentangan ini memerlukan maklum balas yang efektif daripada pelbagai pihak dan komuniti pendidikan. Kertas konsep ini memberikan implikasi terhadap amalan menyediakan graduan yang bukan sahaja mahir secara teknikal tetapi berkebolehan tinggi menyampaikan idea. Unsur sebagai pemikir (*thinker*) dalam diri graduan dan sepatutnya menjadi elemen novel dalam kertas kerja ini. Kajian lanjut boleh dibuat oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan menilai semula ciri-ciri pembentangan komunikasi yang perlu ditekankan dalam setiap penilaian berasaskan rubrik dengan deskriptor yang lebih jelas dan ampuh

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dan pemurnian manuskrip ini.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini mendapat sokongan kewangan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Dana Geran Penyelidikan FPEND (Nombor Geran: GG-2021-K021854).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan mana – mana pihak.

Rujukan

Azizi Alias, & Kamisah Osman. (2018). *Pentaksiran Alternatif Pembinaan dan Pelaksanaan Rubrik dalam Pendidikan Sains*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Benjamin, S. (2007). *The quality rubric : A Systematic Approach for Implementing Quality Principles and Tools in Classrooms and Schools*. American Society for Quality. http://93.174.95.29/_ads/84C9D11049FB79890E9A3A0A27826C7A

Hung, H., Chiu, Y. J., & Yeh, H. (2013). Multimodal assessement of and for learning : A theory-driven design rubric. *British Journal of Education Technology*, *44*(3), 400–409. https://doi.org/10.1111/j.1467-8535.2012.01337.x

Husaina Banu Kenayathulla, Nor Aziah Ahmad, & Abdul Rahman Idris. (2019). Gaps between competence and importance of employability skills: evidence from Malaysia. *Higher Education Evaluation and Development*, *13*(2), 97–112. https://doi.org/10.1108/heed-08-2019-0039

Lamri, J. (2019). The 21 Century Skills. In *The Next Society Edition*. The Next Society Edition. https://doi.org/10.5860/choice.45-2534

Mandel, S. (2000). *Presentation Skills : A Practical Guide to Better Speaking* (3rd ed.). Crisp Publications.

Melanie, M., & Jane, N. (2015). *Effective Presentations*. Cangage Learning.

Owen, H. (2018). The Handbook of Communication Skills. In *The Handbook of Communication Skills*. https://doi.org/10.4324/9781315436135

Poernomo, J. B., Wiyanto, Supartono, Rusilowati, A., Mohd Jalil, A., Noor Hisham, J., & Annas Akhmal, H. (2019). Development of learning instrument to measure student learning outcomes on integrated science and Islamic studies. *Journal of Physics: Conference Series*, *1170*(1), 340–346. https://doi.org/10.1088/1742-6596/1170/1/012036

Reave, L. (2004). Technical communication instruction in engineering schools: A survey of top-ranked U.S. and Canadian programs. *Journal of Business and Technical Communication*, *18*(4), 452–490. https://doi.org/10.1177/1050651904267068

Sanger, C. S., & Gleason, N. W. (2020). Diversity and Inclusion in Global Higher Education: Lessons from Across Asia. In *Palgrave Macmillan*. https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-981-15-1628-3_4

Živković, S. (2014). The importance of oral presentations for university students. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, *5*(19), 468–475. https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n19p468

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).